

15 AUG 2003

Pelajar-Paramotor (Bergambar)

PELAJAR MAHU CIPTA REKOD TERBANGKAN PARAMOTOR SEJAUH 83 KM

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Empat orang pelajar dan seorang kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan cuba mencipta rekod menerbangkan paramotor sejauh 83 kilometer dari Pulau Langkawi ke Alor Star pada 23 Ogos ini.

Kejayaan itu akan dicatatkan dalam buku "Malaysian Book of Records".

Kumpulan itu terdiri daripada Mohd Mos, 28, Penolong Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan empat pelajar Syed Mohd Akmal Syed Ager, 22, Mahathir Mohamad, 23, Safry Ezan Saifuddin, 23 dan Siti Mawarni Mohamed Ali, 20.

Mereka adalah anggota Kelab Paramotor, Sekretariat UIAM Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan.

Penasihat program itu, Lt Kol (B) Basir Ab Rahman dari Paramotor Adventure (M) Sdn Bhd berkata UIAM adalah institusi pengajian tinggi pertama yang menerima cabaran untuk mencipta rekod itu.

Beliau berkata para peserta program itu telah menjalani latihan yang mencukupi dan bersedia untuk menghadapi cabaran tersebut.

"Melalui latihan yang mereka jalani, mereka telah membina daya ketahanan mental yang positif," katanya kepada pemberita semasa taklimat media mengenai program tersebut di kampus UIAM, Gombak di sini hari ini.

Beliau berkata setelah menjalani latihan yang mencukupi, beliau yakin pasukan itu akan berjaya mencipta rekod itu.

Basir berkata penerbangan itu akan dibuat secara dua peringkat iaitu dari Langkawi ke Kuala Perlis dan Kuala Perlis ke Alor Star.

Timbalan Rektor Unit Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Prof Madya Dr Mohd Daud Bakar berkata program itu adalah salah satu langkah UIAM bagi mengenengahkan universiti itu sebagai pusat mempelopori sukan Paramotor.

Katanya, program itu juga diharap dapat mendedahkan kepada pelajar mengenai bidang penerbangan dan prospek yang terdapat di dalam industri penerbangan.

Siti Mawarni, peserta termuda dalam pasukan itu, berkata beliau tidak gentar untuk menghadapi cabaran itu malah berasa amat bertuah kerana berpeluang untuk mencipta rekod bagi UIAM.

Beliau berharap penyertaannya itu akan sedikit sebanyak menarik minat golongan wanita untuk mencuba sukan paramotor.

Mahathir pula berkata program itu bukan sekadar untuk mencipta rekod sahaja tetapi juga untuk mempromosi sukan paramotor kepada rakyat, khususnya kepada para belia.

Program itu anjuran bersama Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah dan Perlis serta Persatuan Luncur Udara Bermotor Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan program dan melepaskan pasukan itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

-- BERNAMA

NN AHH MOZ